

Sinar Harian 31/5/2019 m/s 20

Lapan bot nelayan asing ditahan

KUALA TERENGGANU - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menahan lapan bot nelayan Vietnam ketika mencerooboh perairan negara ini di pantai timur dalam operasi Ops Naga yang dijalankan dari 25 hingga 28 Mei lalu.

Pengarah Maritim Pahang, Laksamana Muda Maritim, Datuk Zulkarnain Mohd Omar berkata, dalam operasi itu se-

ramai 63 nelayan termasuk tekong berumur di antara 18 hingga 57 tahun ditahan dan kesemua mereka tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah.

Menurutnya, nilai rampasan termasuk bot dan hasil laut dianggarkan bernilai kira-kira RM10 juta dan kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.

"Serbuan pertama oleh KM

Pekan berjaya menahan enam bot nelayan Vietnam yang melakukan aktiviti menangkap ikan kedudukan 110 batu nautika sehingga 130 batu nautika dari muara Tok Bali, Kelantan, pada Sabtu lalu.

"Sebuah bot nelayan Vietnam yang mencerooboh dan mencuri hasil laut Malaysia juga telah ditahan oleh Kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) KD Handalan pada



ZULKARNAIN

jarak 100 batu nautika dari Kuala Terengganu, pada Ahad lalu.

"Sebuah lagi bot ditahan oleh Bot Maritim Penyelamat 7, pada jarak 39 batu nautika dari Muara Tok Bali, Kelantan, kelmarin," katanya pada sidang media di pejabat APMM Terengganu, di sini, kelmarin.

Zulkarnain berkata, sepanjang Ops Naga dilancarkan sejak 24 Mei lalu, 496 pemeriksaan dijalankan dan sudah berjaya menahan 41 bot nelayan Vietnam di perairan Terengganu, Kelantan dan Pahang.

"Selain itu, jumlah kru Vietnam yang ditahan adalah sebanyak 367 orang manakala anggaran rampasan keseluruhan 41 bot tersebut adalah sebanyak RM45 juta," katanya.



Salah sebuah bot nelayan Vietnam yang ditahan APMM dalam Ops Naga, baru-baru ini.